

Terbitkan filem tanpa keganasan — PM

Oleh ROZAMAN ISMAIL

KUALA LUMPUR 16 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad

hari ini menyeru para karyawan filem mempromosikan keamanan untuk dunia menerusi penerbitan filem-filem tanpa keganasan.

Perdana Menteri berkata, dalam zaman yang penuh keganasan ini filem-filem yang menghidangkan nilai-nilai yang baik dan bukan keganasan dapat mengurangkan sedikit keganasan yang sedang berlaku di dunia pada masa ini.

Katanya, keganasan itu sedikit sebanyak dipopularkan oleh media termasuk filem-filem yang ditayangkan dan pada satu tahap keganasan sudah mempengaruhi budaya hidup masyarakat dunia.

“Kita bertindak seolah-olah seperti yang dihidang-



kan dalam filem... malah kita cuba meniru seperti apa yang ditunjukkan di layar perak.

“Ada kanak-kanak-kanak yang cuba terbang kerana meniru adegan manusia terbang dalam filem walaupun ia sebenarnya cerita dongeng sahaja.

“Adegan-adegan ganas dalam filem turut mempengaruhi pemikiran kita terutama golongan muda,” katanya ketika berucap merasmikan Festival Filem Sedunia Kuala Lumpur

(KLWFF) 2003 di Dataran Merdeka, di sini, malam ini.

Turut hadir Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob dan Timbalannya Datuk Zainuddin Maidin.

Justeru, kata Dr. Mahathir, para pengusaha yang terlibat dalam pembikinan filem perlu menerbitkan filem-filem yang menghiburkan dan tidak bergantung kepada adegan-adegan yang ganas sahaja.

Kata beliau, KLWFF diperkenalkan bagi menghargai filem-filem tanpa keganasan dan mempunyai nilai-nilai keamanan sejagat.

“Kita mahu memberi penghargaan kepada mereka yang tidak mempromosikan keganasan dalam menghasilkan filem mereka,” katanya.

Menurutnya, walaupun filem-filem tanpa aksi dan adegan keganasan tidak begitu menghiburkan, ia perlu dalam dunia dan za-

man yang kini diancam peperangan, keganasan, penindasan dan penyalahgunaan dadah.

Sambil mengambil contoh ancaman perang di Iraq, Perdana Menteri berkata, pada zaman dahulu pahlawan-pahlawan perang dibunuh dalam peperangan tetapi pada masa ini yang menjadi mangsanya ialah kanak-kanak dan mereka yang tidak berdosa.

“Ini disebabkan masyarakat dunia sudah dapat menerima keganasan sebagai sebahagian daripada budaya hidup mereka,” tegasnya.

Menurut Dr. Mahathir lagi, KLWFF bertujuan untuk memupuk kesedaran tentang dahsyatnya bahaya peperangan serta betapa pentingnya memelihara keamanan.

Beliau juga berharap, festival filem ini dapat dijadikan acara tahunan dan bukannya sekadar diada-

kan sempena Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) yang diadakan di sini.

Kira-kira 3,000 penonton membanjiri Dataran Merdeka untuk menyaksikan majlis perasmian penuh warna-warni dan gilang gemilang.

Sebanyak 48 buah filem daripada 38 buah negara menyertai festival selama tiga hari bermula hari ini.

Upacara perasmian itu juga turut memberi penghargaan kepada bintang-bintang legenda filem Melayu yang masih hidup serta Seniman Agung Tan Sri P. Ramlee menerusi beberapa segmen filem yang dipersembahkan.

Orang ramai berpeluang menonton filem-filem yang dipertandingkan itu secara percuma di pawagam Tanjung Golden Village (TGV) di Kuala Lumpur City Centre (KLCC) dan Golden Screen Cinema (GSC) di Mid Valley Megamall.